

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 15 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1422-L04646
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kos menangani isu penagihan dadah dapat dikurangkan jika penagih diberi kaedah rawatan seperti *Medical Assisted Therapy (MAT)* daripada kaedah "Zero Tolerance" yang memenjarakan mereka dan berapakah bajet yang disediakan untuk pembelian strip ujian air kencing untuk dadah.

2. PR-1422-L05517
Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah perincian pembayaran semula pinjaman PTPTN mengikut pecahan umur daripada tahun 2013 hingga Jun 2019; dan

 - (b) apakah strategi dan dasar baharu yang akan dilaksanakan Kementerian untuk menggalakkan peminjam membayar balik pinjaman ataupun Kementerian akan melaksanakan semula strategi dan dasar pentadbiran terdahulu.

3. PR-1422-L05001
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keberkesanan pengoperasian Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazaar. Apakah hala tuju penglibatan Malaysia dalam usaha kemanusiaan terhadap krisis Rohingya.

4. PR-1422-L04366
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah kemasukan pelaburan luar secara langsung (*Foreign Direct Investment*) di dalam negara untuk enam bulan pertama tahun 2019 dan perincian mengenainya.
5. PR-1422-L04630
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian akan mempergiatkan perikanan laut dalam agar dapat menambah hasil tangkapan ikan yang didaratkan di Malaysia. Apakah insentif Kementerian yang ditawarkan kepada industri laut dalam.
6. PR-1422-L05219
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah alternatif Kementerian dalam memastikan tindakan tegas diambil bagi menangani kes-kes penderaan rumah tangga khususnya di kawasan luar bandar seperti di Baling.
7. PR-1422-L05124
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan untuk mempromosikan kopi *liberica* Malaysia serta meningkatkan hasil keluaran yang kini mencapai 1% daripada jumlah keluaran biji kopi sedunia.
8. PR-1422-L04662
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengkaji semula tarif elektrik baru berikutan pergerakan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa yang merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini agar rakyat dapat menikmati tarif yang lebih rendah.
9. PR-1422-L04496
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa pemohon serta jumlah geran diberi mengikut kategori bagi program pemberian Geran 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) dan apakah mekanisme untuk memastikan geran tersebut digunakan untuk berniaga.

10. PR-1422-L05469
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan program rancangan yang menjurus kepada motivasi generasi muda ke arah menambah nilai jati diri sebagai warganegara Malaysia.
11. PR-1422-L04833
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek penyambungan ke talian grid bekalan utama elektrik kepada sekolah-sekolah luar bandar di negeri Sarawak.
12. PR-1422-L04504
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status terkini pembangunan *Digital Free Trade Zone (DFTZ)* dan *KLIA Aeropolis* di Sepang.
13. PR-1422-L05524
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan secara terperinci mekanisme subsidi petroleum bersasar baharu dan adakah Kementerian akan menghapuskan had paras bagi harga petrol RON95 setelah subsidi petroleum bersasar ini dilaksanakan.
14. PR-1422-L05435
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membubarkan Pasukan Polis Marin (PPM) memandangkan tugasnya sebagai penguatkuasa maritim telah dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasa Maritim (APMM) di mana ia akan menamatkan masalah pertindihan tugas dan memastikan konsep "*Single Point of Contact*" (SPOC) dapat dijayakan dengan baik.
15. PR-1422-L04561
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah syarat kelayakan serta fungsi Pesuruhjaya Kanak-kanak dalam memantau pelaksanaan hak kanak-kanak di Malaysia.

16. PR-1422-L04685
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai 50 syarikat pengeksport Bumiputera yang utama serta nilainya dan senarai 50 syarikat pengeksport utama bukan Bumiputera serta nilainya dalam setahun. Apakah langkah berkesan untuk tambah jumlah pengeksport Bumiputera yang baru dan negara mana sasaran utama dan jenis produk yang dieksport.
17. PR-1422-L04466
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi untuk mengatasi masalah lambakan pendatang asing di negara kita dari segi menyekat kemasukan baru dan penghantaran balik pendatang yang tidak diperlukan serta pelaksanaan sisten kawalan imigresen nasional yang baru.
18. PR-1422-L05063
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah persediaan Malaysia yang bakal mencapai status Negara Tua menjelang tahun 2030 khususnya dalam aspek pengurusan warga emas yang memenuhi kriteria patuh Syariah .
19. PR-1422-L05074
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan guru-guru dalam bidang Bahasa Inggeris mencukupi di sekolah rendah mahupun sekolah menengah di seluruh negara ; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan kualiti pendidikan Bahasa Inggeris terhadap pelajar sekolah.
20. PR-1422-L05361
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan peranti telekomunikasi atau peralatan moden yang kreatif dan inovatif di pasaran semasa akan memudahkan untuk mendapat maklumat peribadi. Apakah tindakan Kementerian dalam menangani teknologi yang tidak terkawal ini.

21. PR-1422-L05128

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan melalui UPU bermula tahun 1998 hingga 2018 dengan pecahan setiap tahun seperti berikut:-

- (a) senarai 10 kursus paling popular dan jumlah tempat ditawarkan oleh IPTA ; dan
- (b) senarai 10 kursus paling tidak popular dan jumlah tempat ditawarkan oleh IPTA.

22. PR-1422-L04871

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis tanaman kontan yang akan diperkenalkan oleh pihak Kementerian kepada pesawah bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil padi dan apakah bentuk mekanisme pelaksanaan yang akan digunakan termasuklah aspek penggunaan tanah dan pemasaran produk.

23. PR-1422-L05350

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan untuk menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan jalur lebar khususnya di negeri Sabah memandangkan kelajuan internet kurang memuaskan buat masa ini terutamanya di kawasan luar bandar.

24. PR-1422-L05184

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah punca kenaikan bil elektrik yang tinggi yang dikenakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada Mei 2019 baru-baru ini. Apakah langkah yang diambil Kementerian agar perkara sebegini tidak berulang lagi di masa akan datang. Ini kerana kenaikan tersebut membebankan rakyat tambahan pula dengan kos sara hidup yang tinggi buat masa sekarang.

25. PR-1422-L04765

Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar lepasan SPM dan STPM di kawasan pedalaman Sabah yang berjaya mendapatkan tawaran melanjutkan pengajian ke universiti awam bagi sesi akademik 2017-2019.

26. PR-1422-L04322
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan warga asing dan warga tanpa negara (*stateless*) dan membelakangkan warga asal di Sabah, sepertimana yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Sabah; dan
 - (b) apakah cara dan kaedah “pemutihan” pendatang asing dan pekerja haram yang dilaksanakan untuk mengesahkan pekerja dan pendatang asing serta keluarga mereka di Sabah dan berapakah jumlah yang sudah diberi dokumen sah sehingga sekarang di Sabah.
27. PR-1422-L05710
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah tegas yang diambil untuk membanteras sebaran fitnah, tohmahan dan hasutan, baik yang berbentuk tulisan, gambar mahupun video melalui media sosial. Berapakah jumlah aduan yang diterima dan berapa kes yang telah diambil tindakan. Bagaimana Kementerian memantau bahan-bahan yang ditular melalui akaun palsu.
28. PR-1422-L05070
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah punca dan tindakan yang diambil bagi menyelesaikan masalah kenaikan harga barang dan perkhidmatan pada era pelaksanaan sistem SST sekarang.
29. PR-1422-L04403
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan senarai semua misi Angkatan Tentera Malaysia di luar negara, berapa jumlah anggota ATM bagi setiap misi yang terlibat serta berapa perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
30. PR-1422-L04611
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dilaksana untuk membaiki serta menaik taraf sekolah-sekolah daif di luar bandar di Sabah dan Sarawak, termasuk dalam kawasan Parlimen Sipitang dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan di kedua-dua negeri ini.

31. PR-1422-L04716

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan dan strategi pelaksanaan Kementerian untuk menambah pendapatan dan mempertingkatkan taraf sosioekonomi nelayan-nelayan pantai di seluruh negara .

32. PR-1422-L05492

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) adakah "*Green Court*" yang sedia ada akan dibubarkan dengan penggabungan Akta Alam Sekitar (EPA) yang baharu; dan
- (b) bagaimana Kementerian akan memperbaiki tatacara prosedur "*Green Court*" apabila bilangan kes yang gagal meneruskan pendakwaan akibat pegawai pendakwa yang kurang kemahiran dan kesilapan teknikal.

33. PR-1422-L04439

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah akan diberi autonomi sepenuhnya mengendalikan hal ehwal pembangunan pelajaran di negeri Sabah.

34. PR-1422-L04479

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sebab-sebab mengapa masih banyak harga barang keperluan yang membebankan kehidupan rakyat.

35. PR-1422-L04985

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status sisa radioaktif Lynas dan menjelaskan sama ada "*Condisoil*", baja yang dikitar semula daripada sisa tersebut akan dipasarkan di Malaysia.

36. PR-1422-L04543
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar akan peningkatan kadar yuran Institusi Pengajian Tinggi Awam yang membebankan pelajar dimana yuran yang dikenakan sekarang hampir menyamai yuran di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, serta apakah yang dilakukan Kementerian bagi menangani isu ini.
37. PR-1422-L05650
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keputusan Konsultasi Rakyat Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian supaya tidak membebankan PTPTN serta peminjam.
38. PR-1422-L04897
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan semula PPSMI pada tahun 2020 dalam sistem pendidikan negara dan adakah model PPSMI yang kedua ini sama dengan PPSMI yang telah dilaksanakan pada zaman Kerajaan lama.
39. PR-1422-L05613
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk memberi laporan dasar terkini tentang pemutihan pekerja asing tanpa permit sah dan jumlah pekerja yang telah disahkan sejak Kerajaan Pakatan Harapan memegang jawatan.
40. PR-1422-L04619
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini perlaksanaan program CEO@Faculty; khasnya dalam usaha menggalakkan lebih banyak sumbangan kepakaran dari pihak industri untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA).
41. PR-1422-L05706
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dengan terperinci Hala Tuju Kementerian dalam memperkasa sektor pertanian, khususnya meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah, selain cadangan penyatuan tanah:-
- (a) benarkah Kementerian bercadang menghapuskan harga siling beras tempatan dan tetapkan harga beras putih import; dan

(b) adakah sistem kuota pengeluaran benih padi sah akan diubah dan diganti dengan sistem pasaran terbuka. Bagaimana langkah ini dapat memberikan manfaat terbaik kepada pesawah.

42. PR-1422-L05197

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi memupuk integrasi dan perpaduan kaum di kalangan pelajar dan apakah strategi pelaksanaannya.

43. PR-1422-L05657

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah berkesan untuk menangani gejala fitnah dalam media sosial yang semakin menjadi-jadi sekarang.

44. PR-1422-L05466

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah KPM untuk meringankan beban guru terutamanya untuk merekod markah secara online sehingga tidak cukup tidur.

45. PR-1422-L05208

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memenuhi aspirasi negara untuk menjadi hab pendidikan serantau dan berapakah jumlah bilangan pelajar antarabangsa dari setiap negara dan anggaran jumlah pelajar asing bagi tahun 2025 dan 2030.

46. PR-1422-L04612

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan semasa Projek Tenusu Kambing yang diusahakan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

47. PR-1422-L04973

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan Pusat Internet Desa di Jeli dan seluruh Malaysia serta sama ada peranan pusat-pusat internet ini akan diperkasakan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat setempat.

48. PR-1422-L04536
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah peranan negeri Sarawak dalam pelaksanaan "*food security*" seperti yang telah dirancang sebelum ini dan telah diteruskan oleh Kerajaan baharu.
49. PR-1422-L05105
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan baru bagi menggantikan Insentif Khas/"*Long Hours*" PDRM kepada Elaun Masa seperti lain-lain skim penjawat awam atau menaikkan jumlah bayaran tersebut daripada RM200 sedia ada kepada jumlah yang lebih tinggi bagi anggota PDRM yang bertugas 24 Jam.
50. PR-1422-L04610
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah diambil oleh pasukan keselamatan dalam mengawasi serta memantau perairan negara kita daripada pencerobohan nelayan-nelayan asing seperti dari Vietnam yang semakin kerap berlaku, termasuklah di kawasan perairan Sipitang di Teluk Brunei .
51. PR-1422-L04467
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia menimbangkan cadangan untuk menaikkan kadar gaji anggota-anggota polis berpangkat rendah sebagai satu langkah untuk meningkatkan integriti dan mengelak mereka dari terjebak dengan amalan menerima rasuah dan menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.
52. PR-1422-L05216
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan rasionalisasi penjenamaan semula permata Pintar UKM kepada "*Genius*" serta memperjelaskan apakah pembaharuan sistem yang telah dilakukan.
53. PR-1422-L05321
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pelaksanaan cadangan-cadangan penambahbaikan kebajikan anggota PDRM seperti yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja PDRM 2005.

54. PR-1422-L04947
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah rakyat Malaysia yang berada di dalam senarai merah Interpol dan adakah pihak Polis Diraja Malaysia membantu secara berterusan untuk mengesan individu-individu yang tersenarai.
55. PR-1422-L05188
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) usaha Kementerian melindungi petani-petani Malaysia daripada impak perubahan iklim yang mampu menjejaskan sumber pendapatan mereka ; dan
 - (b) adakah Kementerian akan memperkembangkan teknologi pertanian moden seperti pertanian tepat untuk mewujudkan sektor pertanian yang kalis masa depan serta menjamin sekuriti makanan negara.
56. PR-1422-L05114
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai eksport minyak dan gas Malaysia untuk tahun 2018 sehingga Jun 2019 dan berapa peratus daripada nilai tersebut disumbang oleh negeri Sarawak.
57. PR-1422-L05031
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah proaktif Kerajaan bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah yang tinggi dalam golongan belia dan juga menyokong mereka yang bebas dari pusat pemulihan dadah supaya boleh diterima oleh masyarakat.
58. PR-1422-L04535
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah akaun palsu di laman sosial Facebook yang dikesan di Malaysia, serta berapakah jumlah laman Facebook yang telah ditutup oleh pihak Kementerian atas pelbagai kesalahan.
59. PR-1422-L05604
Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha untuk membaik pulih berek-berek polis yang sangat daif dan berusia lebih 40 tahun.

60. PR-1422-L05690
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes-kes yang melibatkan najis dadah di kawasan Tanjong Manis. Nyatakan juga langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.
61. PR-1422-L05505
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) masih meneruskan pengecualian pembayaran balik kepada peminjam PTPTN yang mendapat keputusan cemerlang dan adakah PTPTN tidak bercadang memberi pengecualian pembayaran balik kepada golongan B40.
62. PR-1422-L04916
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah insentif-insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi menolong menampung kos penghijrahan para pengusaha pertanian moden yang ingin bergerak kepada pertanian digital menggunakan *Internet of Things (IoT)*.
63. PR-1422-L04957
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan penghuni bagi setiap Taman Sinar Harapan yang ada di negara kita dan nyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk membina sebuah Taman Sinar Harapan di Sibu untuk menampung keperluan di Sarawak.
64. PR-1422-L04586
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status dan perkembangan terkini projek jelapang padi di Kawasan Lingga Sarawak.
65. PR-1422-L05075
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah pelajar di Tingkatan 6 diberikan persediaan yang secukupnya dalam menduduki peperiksaan "*Malaysia University English Test*" (MUET) sedangkan pelajar lepasan diploma di intitusi pengajian yang lain perlu memduduki peperiksaan MUET ini sebagai calon persendirian.

66. PR-1422-L04836
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kewajaran pihak Kementerian cadangan yang ekstrim sehingga bertindak untuk menyekat urusan memperbaharui pasport, lesen memandu, cukai jalan kenderaan, pendaftaran perniagaan serta sekatan kelulusan pinjaman kepada ahli keluarga terdekat peminjam PTPTN yang culas yang dilihat berbeza dengan sikap sewaktu menjadi pembangkang.
67. PR-1422-L05261
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah terkini yang diambil Kementerian untuk mereformasi sistem dan kurikulum pendidikan demi mempersiapkan para pelajar menghadapi cabaran era ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0.
68. PR-1422-L04381
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan projek-projek bina baru dan baik pulih sekolah daif di Sarawak.
69. PR-1422-L05620
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah piawaian atau pun ketetapan yang ada pada sebuah pusat asuhan kanak-kanak untuk panduan ibu bapa dalam memastikan pusat asuhan tersebut mempunyai perakuan pendaftaran, pengasuh yang berkelayakan dan tahap keselamatan yang baik untuk kanak-kanak yang dihantar ke situ.
70. PR-1422-L04463
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk memperkenalkan sistem yang baru untuk kemasukan atau pengambilan ke dalam Kolej Matrikulasi memandangkan ada banyak aduan atau keluhan mengenai ketidakadilan sistem ini.
71. PR-1422-L04318
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan butiran pemohonanan/pengambilan serta pendaftaran matrikulasi pada tahun 2019 mengikut negeri, kaum serta butiran samada mereka dari golongan B40.

72. PR-1422-L05005
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tindakan susulan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap pihak bertanggungjawab atas keputusan untuk melibatkan Angkatan Tentera Malaysia dalam Ops Yaman 2 tanpa mendapati kelulusan kabinet.
73. PR-1422-L05640
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memberi peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan PPKI Sekolah Menengah Kebangsaan Merpati memandangkan bangunan dan kemudahan telah uzur hayatnya.
74. PR-1422-L05053
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah penagih dadah di seluruh Malaysia dan berapakan penagih dadah yang dikesan tetapi tidak ditangkap dan didakwa kerana kekurangan tempat di penjara atau tempat tahanan pemulihan; dan
 - (b) adakah angka penagih dadah meningkat atau menurun dalam 10 tahun kebelakangan ini.
75. PR-1422-L05421
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) statistik-statistik terkini aspek pembangunan seperti baik pulih balai polis, kuarters dan isu logistik yang melibatkan pengangkutan yang sudah dikenal pasti sepanjang tahun yang lepas; dan
 - (b) apakah langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil berkenaan keperluan logistik, infrastruktur dan kebajikan petugas polis dalam negara selaras dengan syor-syor yang terkandung didalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.
76. PR-1422-L04356
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada satu kaedah yang kukuh telah dirangka untuk mengawal selia pencemaran sungai-sungai atau isu-isu pencemaran sungai masih dalam peringkat kajian sahaja.

77. PR-1422-L04769
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar Sabah untuk sebarang keperluan logistik.
78. PR-1422-L05454
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat beberapa limbungan kapal yang berada di Sabah, Sarawak dan Labuan. Tidakkah patut kapal-kapal pertahanan negara yang berada di kawasan wilayah 2 (Sabah dan Sarawak) patut diselenggarakan oleh limbungan kapal yang berada di kawasan tersebut dan tidak perlu dihantar ke Semenanjung Malaysia.
79. PR-1422-L04494
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) bilangan anggota, belanjawan tahunan dan pencapaian "*Belt and Road Initiative National Secretariat*"; dan
 - (b) kebaikan, kelemahan dan cabaran menyertai BRI dan senarai status dan nilai projek-projek di bawah BRI.
80. PR-1422-L04758
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Malaysia ke atas tindakan Amerika Syarikat menyenaraihitamkan syarikat telefon pintar Huawei dari menjalankan perdagangan di negara tersebut, dan sekiranya China turut mengambil tindakan yang sama ke atas syarikat Apple, adakah Malaysia akan mengikuti jejak yang sama dengan Negara China.
81. PR-1422-L05027
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana Kementerian membantu petani dan nelayan menguasai penggunaan teknologi ekonomi digital untuk memasarkan produk mereka secara talian.
82. PR-1422-L05543
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan terbaru Kementerian dalam memastikan harga barang tidak terus meningkat sehingga membebankan rakyat.

83. PR-1422-L04454
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk menaik taraf semua ibu pejabat polis, balai polis dan kuarters polis di kawasan Parlimen Jelutong.
84. PR-1422-L04926
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan akan kepentingan sekolah rendah di kawasan pedalaman Sarawak yang hendak digabungkan di bawah cadangan [SKM]. Tinjauan telah dijalankan merata di sekolah rendah tidak bersetuju, walaupun faham kos yang ditanggung oleh Kerajaan.
85. PR-1422-L05730
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pihak Kementerian untuk memberikan kuasa kepada pihak SKMM untuk menyiasat serta memadam sebarang posting berbentuk penulisan, video dan gambar yang berbaur penghinaan, perkauman serta penyebaran berita palsu yang boleh menyentuh hal ehwal agama, institusi beraja dan lain-lain lagi yang dirasakan perlu di media sosial.
86. PR-1422-L05750
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rasional serta pendekatan yang diambil Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia bagi penggunaan dana *Universal Service Provider* (USP) dalam konteks pembahagian mengikut negeri yang lebih saksama.
87. PR-1422-L05762
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan memastikan agar kes-kes penculikan di Sabah tidak lagi berlaku selepas ini.
88. PR-1422-L05728
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Ketua Polis Negara telah mengarahkan tindakan akan diambil kepada tauke-tauke judi serta premis-premis judi yang berleluasa di seluruh negara. Ada diantaranya beroperasi berhampiran balai polis. Apakah tempoh masa yang akan diambil sepertimana Ketua Polis Kuala Lumpur juga berjanji untuk menyelesaikan dengan segera.

89. PR-1422-L04594
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha yang dilaksanakan bagi mempersiapkan usahawan tani di kawasan luar bandar untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 terutamanya aspek penggunaan teknologi.
90. PR-1422-L05175
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan Program Minda Sihat Tingkatan 4 kepada seluruh pelajar bermula sekolah rendah.
91. PR-1422-L05584
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan untuk mengkaji semula elaun sewaan bagi anggota polis memandangkan kadar sewa kian meningkat untuk menggalakkan mereka tinggal berhampiran kawasan balai dan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyediakan MPV bagi balai-balai polis di Parlimen Batu Kawan yang sedang menggunakan kereta Kancil atau Waja yang sudah usang.
92. PR-1422-L05586
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan banduan akhir yang sedang menjalani hukuman gantung mengikut pecahan etnik, umur, kesalahan dan status sosioekonomi seperti pekerjaan dan berapakah daripada mereka yang menunggu keputusan Lembaga Rayuan serta bagaimanakah Kerajaan akan mengurus banduan-banduan ini apabila undang-undang hukuman gantung mandatori dimansuhkan.
93. PR-1422-L05240
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status keizinan operasi loji Lynas dan pematuhan terhadap undang-undang negara ini.
94. PR-1422-L04925
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk mengkaji proses pemilikan kad kewarganegaraan tetap Sarawak [my kad] yang menjadi masalah utama di kawasan Lubok Antu. Program TASK POST masih boleh diguna pakai untuk pegawai JPN masuk ke kawasan pedalaman untuk program berkenaan.

95. PR-1422-L05284
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memudahkan golongan belia khususnya di Sarawak yang mempunyai tanah NCR tidak bergeran tetapi berminat untuk terlibat dalam pertanian secara komersial.
96. PR-1422-L05590
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan cubaan membunuh diri dan kes-kes "*intentional self harm*" mengikut pecahan umur dan etnik dan nyatakan sama ada Kerajaan akan menyahjenayahkan (*decriminalise*) tindakan cubaan untuk membunuh diri seperti "*Mental Healthcare Bill 2016*" di India serta berapakah peruntukan yang ditetapkan bagi National Suicide Registry yang dikatakan dihentikan sejak 2016.
97. PR-1422-L04784
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelaksanaan bangunan asrama tambahan di Sekolah Kebangsaan Bawong, Sungai Siput (U).
98. PR-1422-L05084
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian terbaru hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China serta apakah manfaat yang akan dinikmati oleh Malaysia hasil sokongan penuh yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri terhadap inisiatif "*1 Belt, 1 Road*" dalam Forum "*Belt and Road*" untuk Kerjasama Antarabangsa di Beijing, China.
99. PR-1422-L05739
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini terhadap usaha pemulihan dan pembaikan sekolah-sekolah berstatus daif di Sabah terutama tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan untuk memulihkan bangunan-bangunan sekolah Kerajaan yang sudah disahkan tidak selamat digunakan dan didiami tetapi terus digunakan disebabkan ketiadaan tempat sementara lain untuk persekolahan anak-anak kita.

100. PR-1422-L05735

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan terdapat akta yang mampu membanteras sindiket-sindiket pihak tidak bertanggungjawab yang mempergunakan kanak-kanak, warga emas, warga asing, golongan OKU dan golongan pelajar tahfiz untuk meminta sedekah. Jika tidak, adakah pihak Kerajaan meminda akta sedia ada bagi menjaga hak golongan tersebut.

101. PR-1422-L05684

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan mengekstradisi Dr. Zakir Naik berikutan permohonan rasmi oleh Kerajaan India bagi ekstradisi tersebut seperti yang dinyatakan oleh Kerajaan India pada 12 Jun 2019 dan sekiranya tidak, apakah alasan-alasannya.

102. PR-1422-L05457

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam menangani isu pengimportan sampah plastik daripada luar negara yang dilonggok dan dilupuskan secara haram oleh kilang-kilang kitar semula dinegara ini.

103. PR-1422-L04585

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengimportan sisa plastik secara haram dan apakah strategi jangka masa pendek dan panjang Kementerian untuk terus membanteras masalah ini.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Mata Wang 2019

2. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 18/2019) Rang Undang-Undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (11 Julai, 2019)**

[Perdana Menteri]

2. (D.R 19/2019) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R 20/2019) Rang Undang-Undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 "

[Menteri Sumber Manusia]

4. (D.R 21/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 "

[Perdana Menteri]

5. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019, (Kertas Statut ST.112 Tahun 2019), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 8 Julai 2019 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 mengenai Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017, (Kertas Statut ST.111 Tahun 2019), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan"

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.106, ST.107 dan ST.108 bagi tahun 2019 disahkan."

8. PR-1422-U(27)050

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

[Perdana Menteri]

9. PR-1422-U(27)051

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

10. PR-1422-U(27)052

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta

mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

11. PR-1422-U(27)053

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

12. PR-1422-U(27)054

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati."

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

13. PR-1422-U(27)055

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SiTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SiTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

14. PR-1422-U(27)056

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

“Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-dalik.”

“Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “*Youtube*”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.”

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1422-U(27)057

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

“Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.”

“Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.”

“Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina.”

“Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas.”

[Menteri Pendidikan]

16. PR-1422-U(27)058

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

17. PR-1422-U(27)059

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-

baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

[Perdana Menteri]

18. PR-1422-U(27)060

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

[Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

19. PR-1422-U(27)061

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa

mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat khuatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

20. PR-1422-U(27)062

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit

Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensi antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaras sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

[Menteri Industri Utama]

21. PR-1422-U(27)063

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1422-U(27)047

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

[Perdana Menteri]

23. PR-1422-U(27)048

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

24. PR-1422-U(27)049

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR.5	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Keempat Belas - Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) di Bawah Kementerian Kewangan (MOF) 	15 Julai 2019
CMD.7	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan- Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.8	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Kewangan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.9	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.10	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.11	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.12	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.13	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.14	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD.15	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.16	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.17	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perlis Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.18	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.19	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.20	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.21	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019
CMD.22	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2018 Siri 1	15 Julai 2019

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 15.07.2019 (Isnin)	1. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	1. 'Zero Reject Policy' Dan 'Pekeliling Penglibatan Ibu Bapa Secara Sukarela Di Bilik Darjah'	1. YB Menteri Pendidikan
2. 15.07.2019 (Isnin)	2. YB Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)	2. Pertanyaan Mengenai Gabungan Perniagaan Axiata-Telenor ASA.	2. YB Menteri Komunikasi Dan Multimedia

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**